

Angkasa sambut baik pinda Akta Koperasi

CYBERJAYA 21 Sept. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) menyambut baik keputusan kerajaan untuk mengkaji semula Akta Koperasi 1993 dan menerimanya sebagai satu cabaran baharu kepada agensi tersebut.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebagai sebuah badan induk gerakan koperasi, perubahan tersebut dianggap sangat positif seiring kehendak industri terkini serta relevan dalam memperkasakan dunia koperasi negara.

"Akta 1993 sudah terlalu lama dan sampai masanya untuk dikaji semula berdasarkan perubahan keadaan semasa terutama kemajuan teknologi.

"Kita akan lihat perubahan itu secara holistik kerana dalam mencapai sesuatu matlamat, kita perlu lihat kepada sesuatu ekosistem dan saya percaya, kerajaan telah lihat

secara keseluruhan aspek," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Amanat Perdana Menteri Bersama Gerakan Koperasi sempena 100 Tahun, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, perubahan itu nanti membolehkan koperasi dapat menyertai perdagangan dalam negara untuk meningkatkan ekonomi masing-masing secara lebih bebas dan terbuka.

Justeru, katanya, koperasi mampu membuat keputusan sendiri tanpa perlu melalui proses yang panjang.

"Sebelum ini sesuatu proses mengambil masa yang terlalu lama untuk diluluskan, ada juga yang sampai tidak jadi.

"Justeru perubahan tersebut diharap dapat memudahkan cara kepada gerakan koperasi di masa akan datang," katanya.



**ABDUL FATTAH
ABDULLAH**